# MUZIUM SENI BINA MALAYSIA

## *MALAYSIA ARCHITECTURE MUSEUM*



# PETA LOKASI
*Location Map*




## PENGANGKUTAN
*GETTING HERE*

Pengangkutan seperti teksi dan bas dari Bandaraya Melaka.
*Taxis and buses from Bandaraya Melaka.*

# TARIKAN BERHAMPIRAN
***NEARBY ATTRACTION***

16 buah Muzium di bawah PERZIM:
Bukit St Paul
Santiago Gate
A'Famosa
Kubur Belanda
Jonker Walk
Dataran Pahlawan
Mahkota Parade
Menara Taming Sari

*16 museums under PERZIM:*
*St. Paul Hill*
*Santiago Gate*
*A'Famosa*
*Dutch Graveyard*
*Jonker Walk*
*Pahlawan Square*
*Mahkota Parade*
*Taming Sari Tower*

## HARI DAN MASA LAWATAN
## *VISITING HOURS*

9.00 pagi hingga 5.00 petang
(Pelawat terakhir masuk pada 4.30 petang)

Muzium ditutup pada:
- Setiap hari Isnin pertama setiap bulan.
- Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri
- Hari pertama Hari Raya Aidiladha

*Daily 9.00am to 5.00pm*
*(Last admission at 4.30pm)*

*Museum is closed on:*
- *The first Monday of each month*
- *First and second day of Aidilfitri*
- *First day of Aidiladha*

---

## ALAMAT
## *ADDRESS*

Muzium Seni Bina Malaysia
No. 1 Jalan Kota,
75000 Melaka.

Tel. : 06 - 286 4763 (Pejabat)
06 - 288 3599 (Galeri)
Faks : 06 - 286 5092




**BAYARAN MASUK**
*ENTRANCE FEES*

| **WARGANEGARA / MYCARD** *Local citizens / My Card* | **KATEGORI** *Category* | **WARGA ASING** *Foreign Tourists* |
|---|---|---|
| RM 2.00 | Dewasa / *Adult*<br>Kanak-kanak 12 tahun ke atas<br>*Children 12 years old and above* | RM 5.00 |
| PERCUMA | Kanak-kanak 6-12 tahun<br>*Children 6-12 years old* | RM 2.00 |
| RM 1.00 | Warga Emas / OKU<br>*Senior Citizens / Disable Person* | NOT APPLICAPBLE |
| PERCUMA | Pelajar Sekolah (Beruniform)<br>*Student (in uniform)* | NOT APPLICAPBLE |
| | Ahli International Council of Museum (ICOM)<br>*Member of International Council of Museum (ICOM)* | FREE |




# 1 PENGENALAN

## *INTRODUCTION*

Muzium Seni Bina Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2004. Objektif utamanya adalah untuk mempamerkan keunikan dan kepelbagaian warisan seni bina di Malaysia selain mengendali dan menyediakan maklumat asas tentang sejarah serta perkembangan seni bina yang terdapat di negara ini. Lebih menarik lagi bangunan yang menempatkan muzium ini juga merupakan sebuah bangunan warisan seni bina penjajahan Belanda sekitar tahun 1700-an.

Pameran dan jalan cerita muzium ini diolah dan disusun mengikut segmen-segmen tertentu bagi memudahkan pemahaman pengunjung. Konsep persembahannya pula merangkumi panel grafik, persembahan multimedia dan peragaan koleksi artifak serta model tiga dimensi bangunan-bangunan terpilih dari seluruh negara.

*Malaysia Architectural Museum was established in 2004. Its main objective is to exhibit diversity and uniqueness of Malaysian architectural heritage. Apart from that it also provides basic information about the history and development of architecture in the country. Even more interesting is the fact that the museum is housed in a heritage building of Dutch characteristics built in the 1970s.*

*The exhibition is according to specific segments that include graphic panels, multimedia presentations and artefacts display as well as three dimensional models of selected buildings in the country.*

# 2 KOLEKSI
## *COLLECTION*

Muzium Seni Bina Malaysia memperagakan pelbagai koleksi menarik antaranya Panel Dinding Berukir dari Negeri Kelantan, Model Rumah Tradisional Terengganu, Rumah Kedai Cina di Melaka, Pintu Berukir dengan motif bunga dan kaligrafi, Gergaji Belah kurun ke-19 dan sampel Spesies Kayu Malaysia.

*Malaysia Architecture Museum exhibits various interesting collection such as Carved Wall Panel from Kelantan, Model of Terengganu Traditional House, Melaka Chinese Shop House, Door Carved with floral motifs and calligraphy, 19th century saw and the Malaysian Timber Species sample.*



# 3 GALERI
## *GALLERY*

Ruang pameran terdiri daripada 7 Galeri iaitu Galeri A - Pengenalan, Galeri B - Sejarah dan perkembanagn Seni Bina di Malaysia, Galeri C - Seni Bina dan Kepercayaan, Galeri D - Tipologi Seni Bina di Malaysia, Galeri E - Ukiran dan Motif, Galeri F - Peralatan dan Teknologi dan Galeri G - Bahan-bahan dalam seni bina.

Galeri A memaparkan panel informasi yang berkaitan pengenalan dan latar belakang Muzium Seni Bina manakala Galeri B menerangkan tentang mengenai sejarah dan perkembangan seni bina di Malaysia dan pengaruh-pengaruh luar yang memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap perkembangannya. Sementara itu di Galeri C memaparkan mengenai kaitan seni bina dengan kepercayaan dalam kalangan masyarakat. Galeri D pula memaparkan kepelbagaian jenis seni bina yang boleh terdapat di Malaysia meliputi seni bina rumah kediaman, tempat ibadat istana dan bangunan pentadbiran. Seterusnya Galeri E pengunjung dapat menyaksikan pelbagai jenis koleksi ukiran dan dipamerkan dua set pintu terukir iaitu set Pintu Rumah Panjang Orang Ulu dari Sarawak dan set Pintu Rumah Melayu Tradisional dengan ukiran bermotif kaligrafi Islam. Galeri F memaparkan tentang pelbagai jenis peralatan dan teknologi dalam seni bina antaranya ketam kayu dan juga gergaji belah berukir sepanjang 6 kaki. Selain daripada itu, terdapat juga Diorama Pertukangan Kayu Tradisional yang memaparkan suasana pembinaan sebuah rumah tradisonal. Pengisian Galeri G meliputi bahan-bahan yang digunakan dalam seni bina di Malaysia merangkumi lantai, dinding, atap dan sebagainya. Dipamerkan juga pelbagai spesies kayu-kayan yang lazim digunakan dalam pembinaan bangunan di Malaysia.





*There are 7 Gallery namely Gallery A - Introduction, Gallery B - History and Development of Architecture in Malaysia, Gallery C - Architecture and Belief, Gallery D - Typology of Architecture in Malaysia, Gallery E - Carving and Motif, Gallery F - Equipment and Technology and Gallery G - Materials in architecture.*

*Gallery A displays panel of information related to the introduction and background of the museum and Gallery B explains the history and development of architecture in Malaysia and outside influences that effect directly and indirectly on its development. Gallery C shows the relationship of architecture with the belief of the community. Gallery D displays the diversity of architecture that can be found in Malaysia that includes architecture of homes, places of worship, palaces and administrative buildings. In Gallery E visitors can view a variety of carvings and a collection of two sets of engraved doors, one is of the Orang Ulu longhouses of Sarawak and a set Traditional Malay House Doors with carved motifs of Islamic calligraphy. Gallery F displays the various types of equipment and technologies in architecture such as jackplanes as well as a 6 feet carved saw. In addition, there is also a Diorama of Traditional Carpentry featuring the construction of a traditional home. Gallery G includes materials used in architecture in Malaysia namely floor, wall, roof and so on. Also exhibited are various type of wood species commonly used in building construction in Malaysia.*




Panel dinding berukir dari
Negeri Kelantan
*Carved wall partition from
the State of Kelantan*

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2267 1000 / Faks : 03 - 2284 9130

Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya
*Please return this leaflet if you have no further use*